

## Kata Kampus



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMED ALI HANIFFA**

# Membangun bakat dan kepimpinan mahasiswa

**P**ENDIDIKAN tinggi negara yang semakin mencabar membuka peluang untuk berinovasi, memperkukuh daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri. Sejalan dengan itu, aspirasi bagi melahirkan pelajar yang holistik dipandu oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Institusi pengajian tinggi (IPT) perlu berperanan signifikan bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam persekitaran global yang mencabar.

Ini dapat dilaksanakan melalui pembangunan kemahiran pelajar dan kepimpinan bagi membentuk jati diri yang autentik serta holistik.

Bagi merealisasikan fokus transformasi pendidikan, komitmen perubahan dan usaha penambahbaikan yang konsisten daripada seluruh warga IPT diperlukan.

Peperiksaan akhir bagi semua pelajar di kebanyakan IPT telah berakhir. Namun, terdapat juga sebahagiannya yang masih sedang berjuang dalam dewan peperiksaan dan mengikuti kuliah dalam bulan Ramadan.

Peperiksaan yang ditempuhi dengan ketenangan dan berintegriti pasti akan berhasil. Semoga segala usaha, komitmen dan doa yang dititipkan membuahkan hasil.

Bagi pelajar dan mahasiswa semester pertama, keputusan tersebut penting sebagai momentum dan sinergi positif untuk semester akan datang. Anda perlu yakin bahawa kejayaan kita adalah atas doa ibu bapa dan orang lain.

Kini, pastinya meriah suasana di kampung halaman bersama keluarga, tambahan pula menghampiri sambutan Aidilfitri. Rehatkan minda buat seketika dan suburkan jiwa dengan ibadah serta tadabbur al-Quran.

Libatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan seperti memasak bubur lambuk yang bukannya sekadar juadah tetapi menjadi simbol kebersamaan. Jadikan sebagai ruang pembelajaran dan bermasyarakat yang bermakna.

Walau bagaimanapun, tidak semua mahasiswa yang berkesempatan bercuti awal. Sebahagian daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menghadiri dialog dan lawatan untuk mengasah bakat kepimpinan demi kepentingan warga mahasiswa lain.

MPP bukan sahaja melaksanakan manifesto semata-mata dalam kampus tetapi suara mereka juga dibawa ke peringkat nasional. Ini bertepatan dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkasa suara mahasiswa dalam Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 (RPTM 2026-2035). Justeru, ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak mereka melibatkan diri dalam program berimpak tinggi sebegini.

Setiap manusia itu adalah pemimpin yang diamanahkan terhadap sesuatu dalam kehidupan. Namun, amanah tersebut pastinya berbeza mengikut kelayakan, skop kepimpinan dan tahap tanggungjawab.

Penganjuran program Makmal & Dialog Kementrian Mahasiswa Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia baru-baru ini adalah sangat relevan. Kehadiran



IPT perlu berperanan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam persekitaran global yang mencabar. - GAMBAR HIASAN



BAKAT dan kerelevanan sistem pendidikan negara diperkukuh lagi melalui program TVET. - GAMBAR HIASAN

sekitar 1,000 orang pemimpin mahasiswa dari seluruh negara dan pengurusan tertinggi KPT menunjukkan komitmen berterusan dalam memperkukuh agenda pembangunan serta kepimpinan mahasiswa.

Idea-idea yang dikemukakan dalam program tersebut diperhalusi dan dibawa ke pengetahuan KPT bagi menambah baik RPTM 2026-2035. Ini menunjukkan sumbangan signifikan mahasiswa sebagai agen transformasi dalam sistem pendidikan negara.

Secara tidak langsung ia memperlihatkan komitmen KPT yang bersifat strategik dan holistik serta mengambil kira denyut nadi mahasiswa.

Kunjungan Perdana MPP ke beberapa buah IPT dan berdialog dengan Kesatuan Mahasiswa IPT membenihkan percambahan idea-idea baharu untuk dibawa pulang serta diaplikasikan di IPT mereka kelak.

Sebagai tanggungjawab sosial korporat, MPP juga berpeluang melaksanakan aktiviti kesukarelawanan yang menjadi sebahagian

daripada proses pembelajaran realistik.

Nilai kesukarelawanan yang dipasak akan membentuk pelajar yang bersiap siaga untuk memberikan sumbangan tanpa mengharapkan imbuhan. Pengalaman tersebut pastinya memberikan ruang kepada mahasiswa menimba pengalaman, ilmu, di samping memahami aspek budaya, nilai dan kepercayaan masyarakat berbilang kaum.

Manfaatkan pengetahuan asas perniagaan yang anda telah peroleh dalam kursus prinsip keusahawanan untuk menjana pendapatan. Usah disia-siakan bakat dan keterampilan kerana setiap yang datang adalah peluang dan tidak akan berulang untuk kali kedua.

Kemahiran keusahawanan akan memberikan anda pengetahuan dan keupayaan untuk meneroka peluang serta membangunkan kesedaran mengenai risiko, kreativiti dan inovasi. Bakat dan kerelevanan sistem pendidikan negara diperkukuhkan melalui program Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Pelajar-pelajar yang pernah mengikuti latihan kemahiran pasti mempunyai nilai tambah. Gunakan kemahiran tersebut untuk menjana pendapatan. Bagi pelajar yang pernah mengikuti bidang seni reka fesyen, kosmetologi, seni kulineri dan pastri, pasti bakat anda diperlukan menjelang musim perayaan.

Manfaatkan cuti semester sebagai ruang untuk mempelajari teknik dan menceburi bidang perniagaan yang bersesuaian. Gunakan kesempatan menghadiri kursus, membangunkan platform digital dan mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari.

Cabaran yang dihadapi pasti akan memantapkan dan membentuk pengalaman yang berharga dalam dunia sebenar. Ini sejajar dengan fokus pendidikan tinggi baharu iaitu beralih kepada melahirkan pencari dan pencipta pekerjaan. Justeru, graduan dengan kemahiran berciri keusahawanan dan inovatif dapat dilahirkan.

Inisiatif secara holistik oleh semua pihak dan agensi di bawah KPT pasti boleh membentuk graduan yang lebih kompetitif di pelbagai peringkat. Ini akan merealisasikan aspirasi pendidikan tinggi negara untuk melahirkan pembina negara berpaksikan kemanusiaan dan dipacu matlamat yang bermakna.

Manfaatkan cuti semester ini dengan membugar jiwa dan pemikiran. Kembali semula ke kampus kelak dalam keadaan tenang dan hati yang bersih agar urusan anda dalam menuntut ilmu seterusnya dipermudahkan.

Pasti ada cahaya di hujung terowong sekiranya kita melakukan sesuatu dengan penuh berintegriti. Selamat bercuti para mahasiswa harapan negara.

PENULIS merupakan pensyarah Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kejujuran, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.